

18 JUL 1996

Mahathir-Perjanjian

DR MAHATHIR TIBA DI KAZAKHSTAN, TIGA PERJANJIAN DITANDATANGANI

ALMATY, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Kazakhstan hari ini dengan menjanjikan bantuan kepada republik itu untuk membina ibu negara baru dan melatih pakar-pakar ekonominya di Malaysia.

Selepas perbincangan dengan Presiden Nursultan Nazarbayev selepas upacara sambutan rasmi di pejabat Presiden, Dr Mahathir dan Nazarbayev menandatangani perisytiharan bersama mengenai kerjasama dua hala dan menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian, satu mengenai perkhidmatan udara dan satu lagi perbankan.

Di satu sesi bersama dengan media selepas itu, Nazarbayev berkata Kazakhstan mahu berkongsi pengalaman Malaysia khususnya dalam menguruskan empat aspek pembangunan negara.

Yang pertamanya, belajar pengalaman Malaysia dalam pembangunan sosial di masyarakat berbilang kaum dan keduanya menjadi pengeluar utama komoditi dan barangan kilang.

Ketiganya, pendekatan Malaysia terhadap pembaharuan pasaran dan peliberalan ekonomi juga relevan kepada pembangunan Kazakhstan.

Keempatnya, Kazakhstan mahu memasukkan elemen-elemen yang paling positif daripada pembangunan jangka panjang Malaysia khususnya dalam wawasan untuk menjadi negara perindustrian menjelang 2020, kata Nazarbayev.

Presiden Kazakhstan juga berharap Dr Mahathir akan memberikan perhatiannya kepada projek hidroelektrik bernilai AS\$800 juta di negara itu yang mana sebuah syarikat Malaysia telah menandatangani perjanjian untuk membinanya.

Nazarbayev juga mencadangkan agar Malaysia menggajikan pekerja-pekerja Kazakhstan untuk mengatasi kekurangan tenaga kerjanya.

Dr Mahathir pula menjemput teknokrat Kazakhstan untuk mengkaji bagaimana Malaysia melaksanakan pembinaan pusat pentadbiran baru di luar Kuala Lumpur.

"Pengalaman Malaysia dalam membiayai projek itu pasti berguna bagi Kazakhstan," kata beliau.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata beliau akan menggalakkan peniaga-peniaga Malaysia untuk meneliti rekabentuk ibu negara baru Kazakhstan di Akmoly yang terletak lebih kurang 1,000km dari Almaty, yang kini merupakan ibu negara Kazakhstan.

Semasa menjawab soalan daripada media Kazakhstan, Dr Mahathir berkata sementara Asean mengiktiraf peranan Kazakhstan dalam membina keyakinan di Komanwel Negara-negara Meredeka (CIS), Malaysia perlu berunding dengan anggota-anggota Asean yang lain - Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam - atas minat Kazakhstan untuk menyertai Forum Serantau Asean (ARF).

Sementara itu, apabila memberi taklimat kepada wartawan-wartawan Malaysia kemudiannya, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali berkata, semasa perbincangan kedua-dua pemimpin itu mengenal pasti 100 projek yang syarikat-syarikat Malaysia boleh mengambil bahagian di Kazakhstan.

Menurut beliau, Kazakhstan menjemput syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur dalam pembuatan barang kemas kerana Kazakhstan mempunyai banyak galian khususnya emas.

Perjanjian perkhidmatan udara Malaysia-Kazakhstan ditandatangani oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Yuri Lourilenko, Menteri

Pengangkutan dan Komunikasi Kazakhstan.

Timbalan Gabenor Bank Negara Fong Weng Phak dan rakan sejawatannya di Kazakhstan, Kadyrzhan Damitov menandatangani MoU mengenai perbankan yang menyediakan asas bagi kerjasama dalam pelbagai bidang perbankan termasuk melatih kakitangan. -- BERNAMA

RN ZAB PR